



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) **menafikan** telah mengeluarkan hebahan bertajuk "TERKINI: CARA PENDAFTARAN BANTUAN PENJANA IBU TUNGGAL RM300" seperti yang tular di media sosial. JPW **menjelaskan** bahawa sehingga kini pihaknya masih belum membuka sebarang pendaftaran permohonan bantuan ibu tunggal secara *online*. JPW juga **menasihati** orang ramai agar tidak membuat sebarang pendaftaran selain daripada yang dimuat naik daripada laman web rasmi JPW.
2. Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) **menafikan** dakwaan berlakunya angin kuat dan hujan lebat dengan kekuatan angin mencecah kelajuan 45-50km/h (sekitar 23-30 knot) pada 16 Jun 2020 dari 8.37 pagi sehingga lewat petang di bahagian utara Semenanjung Malaysia. MET Malaysia **menyarankan** agar orang ramai mendapatkan maklumat cuaca yang terkini dan sahih daripada Jabatan Meteorologi Malaysia sahaja.

